

**TALKING POINTS
UCAPAN ALUAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

KONVENSYEN ASPIRASI KOPERASI MALAYSIA

**18 OKTOBER 2022 (SELASA)
12.15 TENGAHARI
AUDITORIUM ANGKASA**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Koperasi

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM]**

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah perkenannya, kita dapat berkumpul di Konvensyen Aspirasi Koperasi Malaysia pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas kesudian melapangkan masa bersama dengan kita di majlis ini.

3. Saya juga amat berbesar hati dan berterima kasih dengan sokongan

yang diberikan oleh semua Ketua-ketua agensi dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMA), Pengerusi-pengerusi Federasi dan Pengurusan Tertinggi ANGKASA.

4. Sokongan seumpama ini, saya terjemahkan sebagai menggambarkan semangat sebuah keluarga koperasi yang cintakan kemajuan demi kecemerlangan gerakan koperasi negara.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. Peranan SKM, IKMA dan ANGKASA saling melengkapi dalam pembangunan gerakan koperasi di negara ini selaras pembahagian tugas dan tanggungjawab termaktub dalam Aspirasi Koperasi Malaysia.

6. Aspirasi Koperasi Malaysia seperti diketahui umum, merupakan kesinambungan Deklarasi Putrajaya yang telah ditandatangani pada 13 Julai 2012. Antara inti pati Deklarasi Putrajaya adalah untuk menjadikan sektor koperasi penyumbang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

7. Walau bagaimanapun, status Pemakaian Deklarasi Putrajaya tidak lagi dijadikan dokumen rujukan dalam surat SKM bertarikh 8 Mac 2019 yang mana dirasakan perlu satu pendekatan baru dicadangkan dan dibangunkan untuk menjadikan gerakan koperasi sebagai

penyumbang berkesan pada pembangunan sosioekonomi negara.

8. Oleh yang demikian, penyelarasan semula dan pembentukan satu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada SKM, IKMA dan ANGKASA iaitu Deklarasi Putrajaya

2.0 telah diadakan pada 8 dan 9 November 2021.

9. Deklarasi Putrajaya telah ditukar nama kepada **ASPIRASI KOPERASI MALAYSIA** dengan penambahbaikan peranan dan fungsi setiap jawatankuasa di bawah ketiga-tiga

agensi dan telah ditandatangani pada 12 Februari 2022.

Hadirin yang dihormati sekalian

10. Konvensyen Aspirasi Koperasi Malaysia yang diadakan ini, merupakan inisiatif ANGKASA ke arah memperkukuhkan dan menyelaras

pelan tindakan ketiga-tiga agensi agar tiada pertindihan antara satu dengan yang lain.

11. Antara objektif utama konvensyen:

- i. Mengenal pasti isu dan cabaran mendepani gerakan koperasi dan

mengenal pasti pendekatan baharu bagi memastikan koperasi terus berkembang dan berdaya saing seiring ekonomi negara dan antarabangsa selaras Aspirasi Koperasi Malaysia.

- ii. Menetapkan hala tuju dan penyelarasan pelan tindakan antara

agensi dalam memastikan Aspirasi Koperasi Malaysia mencapai matlamat menjadikan gerakan koperasi penyumbang berkesan kepada pembangunan sosioekonomi negara yang makmur, inklusif dan mampan.

iii. Memastikan fungsi dan peranan antara agensi dilaksanakan dengan berkesan dan memberi impak besar kepada organisasi dan kumpulan sasaran.

12. Kerjasama yang padu di antara ketiga-tiga agensi ini diharapkan berterusan. Melalui Konvensyen

Aspirasi Koperasi Malaysia ini diharapkan kita dapat bersama-sama menyelaraskan semua pelan tindakan dalam merealisasikan matlamat yang ditetapkan.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Noh bin Haji

Omar dan dif-dif kehormat yang sudi hadir menjayakan konvensyen ini.

Sekian terima kasih.